PELANGI

# TARGET PBD

## MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

EDISI GURU

TINGKATAN 3 KSSM

# BAHASA MELAYU

Rodzlina Abu Bakar
Imdisyaf Shahrin
Mohd. Nadzri Baduai

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.



**PEMBELAJARAN DIGITAL**

- Info
- Video
- Audio
- Tutorial
- Cetus Idea
- Kuiz Gamifikasi

**PEMERKASAAN PBD & UASA**

- Nota Ekspres
- Modul PBD
  - Praktis Topikal
  - KBAT & i-THINK
  - Aktiviti PAK-21
  - Penerapan Pendidikan Sivik
- Modul UASA
  - Praktis UASA
  - Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA) Kod QR
  - Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)
- Jawapan Kod QR

**BONUS GURU**

EG-i EDISI GURU INTERAKTIF dengan butang JAWAPAN

- Edisi Guru PDF
- e-RPH
- PowerPoint Interaktif
- Bank Soalan UASA

dan banyak lagi!

ePelangi+ https://plus.pelangibooks.com/

# TARGET PBD

**EDISI GURU**

## MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN 3
KSSM

# BAHASA MELAYU



- Melancarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
- Memantapkan Pentaksiran Sumatif & UASA
- Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital
- Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.







**PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU**

## EDISI GURU

VERSI CETAK

**PEMERKASAAN PBD & UASA**

- Nota Ekspres
- Modul PBD
- Modul UASA
- Jawapan

**PEMBELAJARAN DIGITAL**

- Pelbagai bahan sokongan pembelajaran dalam talian

## RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

# Modul PBD » Pentaksiran Formatif




1. Praktis topikal yang dikriteriakan mengikut kemahiran yang terdapat dalam buku teks.
2. Soalan yang mematuhi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta sejajar dengan halaman buku teks.
3. Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencabar pemikiran murid.
4. Tahap Penguasaan (TP) murid boleh dinilai di akhir setiap halaman. Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid ialah TP1 hingga TP6.

PANDUAN PENGGUNAAN




5. **Bahan pembelajaran digital** seperti Audio, Info, Video, Video Tutorial, Cetus Idea (bahan audio), dan Kuiz Gamifikasi **Wordwall** menyokong pembelajaran yang kondusif.
6. **Aktiviti PAK-21** disertakan untuk menyempurnakan PdPc.
7. **Pendidikan Sivik** merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab, dan hormat-menghormati.
8. **Jom Ulang Kaji**
Soalan tentang aspek tatabahasa sebagai latihan ulang kaji bagi mengukuhkan tahap pengetahuan murid.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



PANDUAN PENGGUNAAN

## E Modul UASA » Pentaksiran Sumatif

1. Praktis-praktis topikal dengan soalan-soalan berpiawai UASA.
2. Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA) Kod QR
3. Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)










## F Nota Grafik KOMSAS

Nota KOMSAS Kod QR disediakan di halaman Kandungan.







## G Jawapan

Jawapan keseluruhan buku Kod QR disediakan di halaman Kandungan.









Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

PANDUAN PENGGUNAAN

Di platform ePelangi+, guru yang menerima guna (*adoption*) siri Target PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i ?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Target PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.




Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Halaman Contoh EG-i




Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Audio, Info, Cetus Idea (audio), Video, Video Tutorial, dan Kuiz Gamifikasi.

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

**Alat sokongan lain:**

- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik butang **JAWAPAN** untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

## 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun atau dimainkan terus.

| Bahan pengajaran | Bahan latihan |
|---|---|
| » e-RPH (Microsoft Word) ⬇ | » Praktis Ekstra |
| » Edisi Guru pdf ⬇ | » Bank Soalan UASA |
| » PowerPoint Interaktif ⬇ | |
| » Peta Konsep ⬇ | |
| » Nota Visual ⬇ | |

⬇ Boleh dimuat turun

**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui *thumb indeks* eP+ .

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA

Nota Visual






**» Nota Visual**
Nota berwarna dalam bentuk grafik yang menarik.

Peta Konsep







**» Peta Konsep**
Kerangka bab berwarna dalam bentuk carta.

Praktis Ekstra




**» PowerPoint Interaktif**
Slaid pengajaran PPT lengkap yang meliputi setiap topik dan subtopik.




**» Praktis Ekstra**
Latihan tambahan mengikut tema.





ePP+ Pendidikan Sivik dalam Bahasa Melayu

### Modul Pendidikan Sivik dalam Bahasa Melayu

Latihan pelaksanaan Pendidikan Sivik dengan memberi penekanan kepada aspek literasi dan amali sivik di dalam bilik darjah.



### Bank Soalan UASA

Soalan berformat UASA mengikut topik.



ePP+ Modul Pembelajaran Abad Ke-21

### Modul Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21)

Latihan yang menerapkan elemen-elemen asas dalam PAK-21 yang berpusatkan murid.



ePP+ Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

### Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

Latihan PKJR sebagai pendidikan berterusan untuk membudayakan keselamatan jalan raya dalam kalangan murid.

## ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+?**




### LANGKAH 1 — DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

### LANGKAH 2 — *ENROLMENT*

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk *enrol*.

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.**

### LANGKAH 3 — AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.




* Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG 8.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| KAWASAN | NOMBOR TELEFON |
|---|---|
| **Utara Semenanjung** | 012-4983343 |
| Perlis / Kedah | 012-4853343 |
| Pulau Pinang | 012-4923343 |
| Perak | 012-5230133 / 019-6543257 |
| **Wilayah Tengah Semenanjung** | 012-3293433 |
| | 012-7800533 |
| | 012-7072733 |
| | 012-3297633 |
| | 019-3482987 |
| **Selatan & Pantai Timur Semenanjung** | 012-7998933 |
| Negeri Sembilan / Melaka | 010-2432623 |
| Johor | 012-7028933 |
| Pahang / Terengganu | 012-9853933 |
| Kelantan | 012-9863933 |
| **Malaysia Timur** | 012-8889433 |
| Kuching / Sarikei | 012-8839633 |
| Sibu / Bintulu / Miri | 012-8052733 |
| Sabah | 012-8886133 |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELANGI Books Gallery

**GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE**

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

PelangiPublishing PelangiBooks PelangiBooks

# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid v

**MODUL PBD**

TEMA 1 Suluh Masa Depan 1
ePraktis, Audio, Cetus idea, PAK-21, i-THINK, Tutorial

TEMA 2 Sihat Selalu, Sihat Sentiasa 5
ePraktis, ePendidikan Sivik, Audio, PAK-21, i-THINK

TEMA 3 Kecerdasan Meningkat, Keterampilan Memikat 9
ePraktis, Audio, Info

TEMA 4 Waspada Selalu! 13
ePraktis, eKeselamatan Jalan Raya, Video, Kuiz

TEMA 5 Dirgahayu Negaraku 17
ePraktis, Cetus idea

TEMA 6 Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji 21
ePraktis, eNota, PAK-21, Tutorial

TEMA 7 Persaudaraan Tanpa Sempadan 25
ePraktis, Audio, PAK-21, Video, Kuiz

TEMA 8 Subur Bahasa, Mekar Sastera 29
ePraktis, i-THINK, PAK-21, Info

TEMA 9 Indah Seni, Endah Budaya 33
ePraktis, Cetus idea, Video, Kuiz

TEMA 10 Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan 37
ePAK-21, ePraktis, PAK-21, Video

TEMA 11 Alam Anugerah Terindah 41
ePraktis, Audio, Info, Tutorial, Kuiz

TEMA 12 Tuah di Bumi Permata 45
ePraktis, PAK-21, Video

TEMA 13 Perindustrian 49
ePraktis, Info, Kuiz

TEMA 14 Ekonomi Mapan, Negara Makmur 53
ePraktis, i-THINK, Cetus idea

TEMA 15 Destinasi Misteri 57
ePraktis, Tutorial

TEMA 16 Mencapai Impian, Menuai Kejayaan 61
ePraktis, PAK-21, Cetus idea, Tutorial, Kuiz

**Jom Ulang Kaji** 65


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## MODUL UASA

### PRAKTIS UASA 1 — 68

Peta Konsep Nota Visual Tutorial Video


**SISTEM BAHASA** 68
- Kata Nama Am dan Kata Nama Khas 68
- Kata Ganti Nama Diri 69
- Kata Kerja 70
- Kata Adjektif 71
- Kata Hubung 72
- Kata Seru / Kata Tanya / Kata Perintah 73
- Kata Bantu 74
- Kata Sendi Nama 75
- Kata Bilangan 76
- Kata Majmuk 77
- Frasa 78
- Jenis-jenis Ayat 79
- Ragam Ayat 80
- Ayat Tanya 81
- Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Songsang 82
- Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk 83
- Cakap Ajuk dan Cakap Pindah 84
- Peribahasa 85


### PRAKTIS UASA 2 — 89

Tutorial


**PEMAHAMAN** 89

**Bahagian A**
- Pemahaman Petikan 89

**Bahagian B**
- Pemahaman Petikan 100
- Novel 105


### PRAKTIS UASA 3 — 110

Tutorial Video Info


**PEMINDAHAN MAKLUMAT** 110
- Ringkasan 110
  - Model Ringkasan 110
- Ulasan 111
  - Model Ulasan 112

**Praktis** **113**


### PRAKTIS UASA 4 — 123

Tutorial Info


**KARANGAN** 123

**Bahagian A**
- Karangan Respons Terhad 123
  - Model Karangan Respons Terhad 123

**Praktis** **124**

**Bahagian B**
- Karangan Respons Terbuka 128
  - Model Karangan Respons Terbuka 128

A Karangan Surat Kiriman Rasmi 130
B Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi 132
C Karangan Laporan 133
D Karangan Ucapan/Syarahan/Ceramah 135
E Karangan Perbincangan/Pendapat 136
F Karangan Fakta 137
G Karangan Peribahasa 138

**Praktis** **140**

**Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)** **141**


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT3/UPSA.pdf

## JAWAPAN

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT3/Jawapan.pdf

## NOTA GRAFIK KOMSAS

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT3/NGKOMSAS.pdf

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## BAHASA MELAYU Tingkatan 3

*Nama:* ..................................................... *Tingkatan:* ..........................

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **1** SULUH MASA DEPAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.1** Mendengar, mengenal pasti dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul, tepat dan jelas. | 1 | |
| | **Membaca** | **2.3.1** Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat. | 2 | |
| | **Menulis** | **3.1.1** Menulis dan menerangkan makna kata, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dengan betul mengikut konteks. | 3 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.2** Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi. | 4 | |
| **2** BERSIH SELALU, SIHAT SENTIASA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.2** Mendengar, mengenal pasti dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan intonasi yang sesuai dan jelas. | 5 | |
| | **Membaca** | **2.2.2** Membaca dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bentuk panduan dengan memberikan respons peribadi yang sesuai. | 6 | |
| | **Menulis** | **3.3.1** Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat. | 7 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.1** Memahami dan menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul. | 8 | |
| **3** KECERDASAN MENINGKAT, KETERAMPILAN MEMIKAT | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.1** Mendengar dan mengkategorikan maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana, serta memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat dan bermakna mengikut konteks. | 9 | |
| | **Membaca** | **2.4.1** Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen. | 10 | |
| | **Menulis** | **3.2.1** Menulis untuk mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton menggunakan ayat yang gramatis. | 11 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.4.3** Mempersembahkan karya prosa dan puisi secara kreatif dalam pelbagai aktiviti berbahasa. | 12 | |
| **4** WASPADA SELALU! | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.1** Bersoal jawab untuk mencambahkan idea secara kritis dan bertatasusila. | 13 | |
| | **Membaca** | **2.3.1** Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat. | 14 | |
| | **Menulis** | **3.4.5** Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif. | 15 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.2** Memahami dan menggunakan kata adjektif dalam ayat mengikut konteks. | 16 | |

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **5** DIRGAHAYU NEGARAKU | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.2** Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal secara bertatasusila. | 17 | |
| | **Membaca** | **2.2.1** Membaca dan menerangkan maksud istilah yang tepat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari, kamus dan tesaurus dengan betul dan tepat. | 18 | |
| | **Menulis** | **3.5.1** Menulis dan menyusun maklumat serta membuat ringkasan daripada pelbagai bahan prosa menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | 19 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.4.1** Mempersembahkan karya prosa dalam bentuk ilustrasi menggunakan pelbagai media secara kreatif. | 20 | |
| **6** INTEGRITI TINGGI, SAHSIAH TERPUJI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.2** Berunding untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu pilihan secara rasional menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun. | 21 | |
| | **Membaca** | **2.1.2** Membaca dan memahami laras bahasa cerpen dengan sebutan, intonasi yang betul dan nada yang sesuai. | 22 | |
| | **Menulis** | **3.3.1** Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat. | 23 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.2.1** Menggunakan kiasan dan peribahasa dengan betul mengikut konteks. | 24 | |
| **7** PERSAUDARAAN TANPA SEMPADAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.2** Mendengar dan menganalisis maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang betul, tepat dan bermakna. | 25 | |
| | **Membaca** | **2.2.3** Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik. | 26 | |
| | **Menulis** | **3.4.1** Menulis kerangka penulisan dengan menyusun isi secara terancang. | 27 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.2.1** Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganda dalam ayat mengikut konteks dengan betul. | 28 | |
| **8** SUBUR BAHASA, MEKAR SASTERA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.2** Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal secara bertatasusila. | 29 | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar. | 30 | |
| | **Menulis** | **3.3.2** Menulis dan menjawab pelbagai soalan secara kritis dengan betul. | 31 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.1** Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan menyatakan respons peribadi terhadap kekuatan dan kelemahan sesuatu karya. | 32 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **9** INDAH SENI, ENDAH BUDAYA | **Membaca** | **2.3.1** Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat. | 33 | |
| | **Menulis** | **3.7.1** Mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal. | 34 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.3.2** Menghasilkan puisi berdasarkan bahan rangsangan yang sesuai menggunakan bahasa yang indah dan menarik. | 35 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.4** Memahami dan menggunakan kata kerja dalam ayat mengikut konteks. | 36 | |
| **10** SAINS DAN TEKNOLOGI PEMACU KEMODENAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.2.1** Mendengar dan menerangkan maksud perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila. | 37 | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar. | 38 | |
| | **Menulis** | **3.2.1** Menulis untuk mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton menggunakan ayat yang gramatis. | 39 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.1** Memahami dan menggunakan pelbagai kata terbitan dalam ayat mengikut konteks dengan betul. | 40 | |
| **11** ALAM ANUGERAH TERINDAH | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.2** Mengulas dan menyatakan maklumat yang tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan audio visual dengan kritis menggunakan ayat yang gramatis. | 41 | |
| | **Membaca** | **2.2.3** Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik. | 42 | |
| | **Menulis** | **3.4.2** Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan menggunakan bahasa yang menarik dan gramatis. | 43 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.4.1** Memahami dan menggunakan pelbagai frasa dalam ayat mengikut konteks. | 44 | |
| **12** TUAH DI BUMI PERMATA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.2.2** Mendengar dan menerangkan maksud ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila. | 45 | |
| | **Membaca** | **2.2.3** Membaca dan memahamai serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik. | 46 | |
| | **Menulis** | **3.6.1** Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan prosa kepada pelbagai bentuk penulisan yang baharu, betul, sesuai dan menarik. | 47 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.5.1** Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks. | 48 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **13** PERINDUSTRIAN | Mendengar dan Bertutur | 1.4.1 | Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi tidak formal secara bertatasusila. | 49 | |
| | Membaca | 2.3.1 | Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat. | 50 | |
| | Menulis | 3.6.2 | Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan grafik kepada prosa menggunakan ayat yang menarik dan gramatis. | 51 | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.1.3 | Memahami dan menggunakan kata tugas dalam ayat mengikut konteks. | 52 | |
| **14** EKONOMI MAPAN, NEGARA MAKMUR | Mendengar dan Bertutur | 1.4.2 | Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal secara bertatasusila. | 53 | |
| | Membaca | 2.3.1 | Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat. | 54 | |
| | Menulis | 3.2.1 | Menulis untuk mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton menggunakan ayat yang gramatis. | 55 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.3.1 | Menghasilkan cerpen secara terancang dengan menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan menarik. | 56 | |
| **15** DESTINASI MISTERI | Mendengar dan Bertutur | 1.8.1 | Mengkritik secara membina tentang sesuatu isu kemasyarakatan dengan kritis dan jelas menggunakan ayat yang gramatis. | 57 | |
| | Membaca | 2.4.1 | Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen. | 58 | |
| | Menulis | 3.4.3 | Menulis perenggan isi dengan bahasa yang gramatis secara kritis dan kreatif. | 59 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.4.2 | Mempersembahkan puisi dalam pelbagai media secara kreatif. | 60 | |
| **16** MENCAPAI IMPIAN, MENUAI KEJAYAAN | Mendengar dan Bertutur | 1.6.1 | Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis. | 61 | |
| | Membaca | 2.2.1 | Membaca dan menerangkan maksud istilah yang tepat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari, kamus dan tesaurus dengan betul dan tepat. | 62 | |
| | Menulis | 3.4.4 | Menulis perenggan penutup penulisan yang lengkap serta menepati tema menggunakan ayat yang gramatis. | 63 | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.6.1 | Menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat. | 64 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# TEMA 1



# Suluh Masa Depan

Buku Teks: m.s. 2 – 13

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

**Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, persembahkan idea dalam petikan tersebut untuk mengujarkan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang digunakan dengan betul, tepat, dan jelasnya.** SP 1.1.1

TRACK 1



Slogan pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara membuktikan kepentingan remaja dalam membangunkan negara, khususnya ke arah pembentukan Malaysia Madani.

– Izzah Fatanah



Remaja kadangkala masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial. Situasi ini menunjukkan bahawa mentaliti segelintir remaja di negara kita masih belum mengalami anjakan paradigma selaras dengan aspirasi negara.

– Suresh Ramasamy



Remaja yang berkualiti mestilah mempunyai ciri-ciri positif. Antara ciri tersebut ialah berdisiplin, mempunyai semangat juang yang tinggi, dan sentiasa berfikiran serta bersikap positif.

– Yong Li Wei

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

CETUS IDEA

## AKTIVITI PAK-21

**Peta Pemikiran**

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu menyediakan peta pemikiran yang mengandungi maklumat tentang kepentingan azam dalam kehidupan murid-murid.
3. Hasil dapatan murid akan ditampal di hadapan kelas.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP



**Baca petikan di bawah, kemudian lengkapkan peta buih dengan betul dan tepatnya.** SP 2.3.1 KBAT Menganalisis

Budaya membaca harus bermula daripada keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan guru pertama anak-anak. Antara cara yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan anak ialah ibu bapa membaca buku di hadapan anak-anak. Apabila anak-anak sering melihat ibu bapa membaca buku, anak-anak akan mula meniru tingkah laku ibu bapa mereka kerana **bagaimana acuan begitulah kuihnya**. Pada masa yang sama, ibu bapa juga sewajarnya menyediakan sudut bacaan di rumah supaya anak-anak mudah mendapatkan buku-buku untuk dibaca dan secara tidak langsung akan mendorong anak-anak untuk membaca.

Selain itu, ibu bapa juga **seyogianya** menjadikan buku sebagai hadiah untuk sebarang sambutan istimewa anak-anak. Cara ini dapat menyuburkan sikap mencintai buku dalam diri anak-anak. Tindakan ibu bapa membawa ahli keluarga ke pesta buku juga mampu menanam rasa cinta akan buku dalam diri anak-anak. Pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan atau institusi-institusi pembukuan telah bergabung tenaga dan idea untuk menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), pesta buku di setiap negeri, dan pelbagai aktiviti berkaitan dengan buku, **justeru** ibu bapa wajar memanfaatkan peluang ini sepenuhnya untuk membiasakan anak-anak dengan buku.

### GLOSARI

- **seyogianya** – sepatutnya/selayaknya/semestinya
- **justeru** – oleh itu

### KORIDOR PERIBAHASA

- **bagaimana acuan begitulah kuihnya –** anak mengikut sikap dan rupa ibu bapa kerana faktor baka

*i-THINK* **Peta Buih**




Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MENULIS

TP

**Baca petikan di bawah. Kemudian, terangkan makna kata, rangkai kata, dan ungkapan yang berhuruf tebal dengan betulnya mengikut konteks.** SP 3.1.1

British Council, iaitu organisasi antarabangsa United Kingdom (UK) dalam hubungan budaya dan peluang pendidikan, telah mengumumkan empat orang wanita Malaysia yang berjaya memenangi program biasiswa wanita dalam STEM global. Program biasiswa **pascasiswazah** bersifat global ini telah dilancarkan oleh British Council dengan kerjasama 19 buah universiti di UK untuk memberi manfaat kepada wanita dari Asia Selatan, Asia Tenggara, dan Amerika Syarikat menceburi kursus STEM dengan pembiayaan penuh.

Nurimanina Najwa Shahrin yang akan belajar Patobiologi Akuatik di University of Stirling berkata, tiada jalan singkat untuk berjaya kerana **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Semua orang pasti berjaya jika sanggup bekerja keras dan nekad untuk berjaya, bak kata peribahasa **genggam bara api biar sampai jadi arang**. Perjalanan untuk mencapai kejayaan pastinya banyak **onak dan duri**, namun kita perlulah menguatkan semangat dan terus berusaha tanpa mengenal erti jemu.

"Kejayaan memerlukan usaha yang **konsisten** dan inisiatif, bukannya **laksana pahat dengan penukul**," kata Debbie Ann Loh yang mengikuti Ijazah Sarjana dalam Kesihatan Awam Antarabangsa di Liverpool John Moores University.

1. **pascasiswazah**

   Maksud: penuntut yang meneruskan pendidikan yang lebih tinggi selepas menamatkan ijazah pertama

2. **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**

   Maksud: tidak akan tercapai cita-cita dengan tidak berusaha

3. **genggam bara api biar sampai jadi arang**

   Maksud: jika melakukan sesuatu pekerjaan yang susah haruslah dengan sabar sehingga mendapat nikmatnya nanti

4. **onak dan duri**

   Maksud: kesusahan atau kesukaran yang dihadapi/banyak rintangan atau kesulitan

5. **konsisten**

   Maksud: terus berpegang pada pendirian yang sama/tekal

6. **laksana pahat dengan penukul**

   Maksud: orang yang hanya bekerja apabila diperintah

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## ASPEK SENI BAHASA

**Baca dan fahami sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.** SP 4.1.2

**Bintang**

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia
melihat rumah ini penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah sudah bercahaya
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu.

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati,* Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**1.** Mengapakah ibu menyatakan bahawa ibu tidak memerlukan bintang?

Ibu menyatakan bahawa ibu tidak memerlukan bintang kerana ayah dan ibu sudah mempunyai bintang, iaitu "aku" atau penyajak yang menjadi bintang hati ayah dan ibunya.

**2.** Ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa kepada anak-anak.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa? KBAT Menganalisis

Pada pendapat saya, usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa ialah anak-anak perlu belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan agar ibu bapa berasa jasa mereka terbalas. Selain itu, anak-anak perlulah sentiasa menghormati ibu bapa dan mematuhi nasihat mereka.

TUTORIAL

Pemahaman Maksud Sajak

# TEMA 2



# Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

*Buku Teks: m.s. 14 – 26*

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

TRACK 2

**Dengar dan kenal pasti isu yang dikemukakan dalam petikan. Kemudian, berbincanglah tentang isu tersebut dengan menggunakan pelbagai ujaran.** SP 1.1.2




## AKTIVITI PAK-21

Deklamasi Sajak/Nyanyian



1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki supaya menyediakan suatu sajak berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.
3. Setiap kumpulan diminta supaya membuat persembahan di hadapan kelas.
4. Persembahan setiap kumpulan akan dinilai oleh guru.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP

**Baca petikan di bawah, kemudian lengkapkan peta dakap dengan maklumat yang lengkap.** SP 2.2.2 KBAT Menganalisis

ePraktis Ekstra Tema 2

Hepatitis B merupakan sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus Hepatitis B atau singkatannya HBV. HBV merebak melalui darah, luka yang terbuka, atau cecair badan yang lain. Berkongsi jarum yang tidak disteril dengan seseorang yang dijangkiti virus hepatitis B merupakan antara punca seseorang individu dijangkiti penyakit ini. Oleh itu, kita dinasihati agar tidak berkongsi alat kebersihan diri peribadi seperti ketip kuku, berus gigi, dan pisau cukur kerana dapat menyebabkan luka dan seterusnya virus dapat menular. Ada juga individu yang menghidap hepatitis B kerana dilahirkan oleh ibu yang menghidap hepatitis B. Walau bagaimanapun, hepatitis B tidak dapat disebarkan kepada orang lain melalui aktiviti bersin dan batuk.

Hepatitis B menyebabkan keradangan hati yang seterusnya dapat menyebabkan kerosakan hati yang berkekalan jika tidak dirawat. Bagi kebanyakan orang, hepatitis B ialah penyakit jangka pendek yang hilang sendiri selepas beberapa waktu. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah individu, hepatitis B dapat menyebabkan keadaan kesihatan yang kronik.

Individu yang terdedah kepada risiko jangkitan virus hepatitis B dinasihati agar melakukan ujian saringan virus hepatitis bagi mengesan jangkitan dan seterusnya diberikan rawatan awal. Ibu bapa juga dinasihati supaya memastikan anak mereka diberi imunisasi hepatitis B yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

i-THINK Peta Dakap

**Hepatitis B**

- Punca
  - dijangkiti virus hepatitis B atau singkatannya HBV
  - ______________________
  - ______________________
- Kesan
  - keradangan hati yang seterusnya dapat menyebabkan kerosakan hati yang berkekalan
  - ______________________
- Cara Mengatasi
  - melakukan ujian saringan virus hepatitis dan mendapatkan imunisasi hepatitis B
  - ______________________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MENULIS

TP

**Baca dan fahami maklumat di bawah. Tulis dan lengkapkan maklumat dalam petikan dengan betul dan tepat.** SP 3.3.1

Pendidikan Sivik dalam Bahasa Melayu
ePP+ NOTA VISUAL




| Cara mengatasi kemurungan |
|---|
| • Mengamalkan cara hidup sihat<br>• Melakukan aktiviti yang disukai<br>• Mendapatkan bantuan profesional |

Kemurungan ialah masalah kesihatan mental. Seseorang yang mengalami kemurungan sering menyebabkan dirinya **(1)** berasa sedih berpanjangan. Selain itu, seseorang yang menghadapi masalah kemurungan juga **(2)** sering keletihan dan ketiadaan tenaga sehingga kelihatan tidak bermaya untuk melakukan sesuatu perkara. Kita juga dapat mengesan masalah kemurungan seseorang apabila melihat dia **(3)** cepat marah dan **(4)** hilang minat untuk melakukan aktiviti harian. Masalah kemurungan boleh dihidapi oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina, atau bangsa.

Masalah kemurungan dapat diatasi oleh seseorang individu dengan **(5)** mengamalkan gaya hidup sihat seperti beriadah bersama rakan dan berkelah dengan keluarga. Dengan cara ini, minda akan berasa lapang dan jiwa akan berasa tenang kerana individu tersebut dapat berbual-bual dan berkongsi masalah dengan orang yang rapat dengannya, di samping menikmati keindahan alam sekitar serta menghirup udara yang segar.

Dalam pada itu, seseorang yang mengalami masalah kemurungan juga haruslah **(6)** melakukan aktiviti yang disukainya seperti mendengar muzik dan bercucuk tanam. Tindakan sebegini akan menyebabkan seseorang itu leka tanpa memikirkan masalah yang sedang dihadapi.

Daripada perspektif yang lain, masalah kemurungan yang semakin serius memerlukan seseorang itu **(7)** mendapatkan bantuan profesional. Kaunselor merupakan individu yang terlatih untuk berhadapan dengan individu yang menghadapi masalah kemurungan. Bantuan profesional dapat mengelakkan **(8)** masalah kemurungan berpanjangan.

***Pendidikan Sivik : Nilai Kasih Sayang***

- Murid menjelaskan kepentingan menjaga kesihatan diri.
- Murid menitikberatkan penjagaan organ tubuh.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## ASPEK TATABAHASA

### NOTA EKSPRES

1. **Kata nama am** ialah kata yang digunakan untuk menamakan sesuatu sama ada benda, orang, haiwan, tempat, atau konsep secara am atau umum.
2. Contoh kata nama am ialah:
   - *cincin* – menunjukkan benda
   - *ayah* – menunjukkan orang
   - *angsa* – menunjukkan haiwan
   - *beranda* – menunjukkan tempat
   - *kenangan* – menunjukkan konsep
3. **Kata pinjaman** ialah kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa asing atau kata yang diterjemahkan atau konsep makna yang ditiru daripada kata asing tersebut.
4. Contoh kata pinjaman:
   - *analisis* (bahasa Inggeris)
   - *abjad* (bahasa Arab)

**A Tulis maksud kata nama yang diberikan. Kemudian, bina ayat berdasarkan kata nama tersebut.**

SP 5.1.1

| Kata Nama | Maksud | Ayat |
|---|---|---|
| 1. pekerja | orang yang bekerja, biasanya untuk mendapat bayaran atau memperoleh pendapatan | Pekerja yang baik tidak akan curi tulang ketika bertugas. |
| 2. kampung | kawasan kediaman di luar bandar atau di desa | Kini, inap desa yang terdapat di kampung merupakan antara lokasi pelancongan yang diminati oleh rakyat Malaysia. |
| 3. kerajaan | negeri atau negara yang dikepalai oleh raja/pemerintahan/negara | Setiap kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan rakyat negara masing-masing. |

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

**B Tulis maksud kata pinjaman yang diberikan. Kemudian, bina ayat berdasarkan kata pinjaman tersebut.**

| Kata Nama | Maksud | Ayat |
|---|---|---|
| 1. inisiatif | daya usaha atau tindakan yang mula-mula | Setiap murid yang ingin berjaya perlu mempunyai inisiatif untuk belajar tanpa disuruh oleh sesiapa. |
| 2. insentif | sesuatu yang berupa kebendaan atau tidak yang diberikan atau ditawarkan sebagai dorongan atau galakan | Ibu bapa boleh memberikan insentif kepada anak-anak apabila anak-anak berjaya dalam akademik atau kokurikulum. |
| 3. intensif | dengan giat dan sungguh-sungguh | Seseorang atlet perlu berlatih secara intensif untuk bergelar juara dalam sesuatu pertandingan yang disertai. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# JOM ULANG KAJI

**A** *Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan jawapan yang paling sesuai.*

**1.** Pemain-pemain bola itu mengadakan ____________ badan terlebih dahulu sebelum memulakan perlawanan.
**A** hayunan
**B** senaman
**C** regangan (circled)
**D** lompatan

**2.** Sekumpulan ____________ sedang membersihkan kawasan dewan untuk menyambut kedatangan menteri ke kampung mereka esok.
**A** biduan
**B** dermawan
**C** wartawan
**D** sukarelawan (circled)

**3.** Sesetengah pemandu kenderaan menghadapi masalah rabun dan ____________ terhadap cahaya lampu, terutama pada waktu malam.
**A** pinar
**B** silau (circled)
**C** jelas
**D** kelam

**4.** Pengguna jalan raya diingatkan agar menjauhi perbuatan ____________ kenderaan bagi mengelakkan kemalangan.
**A** potong-memotong (circled)
**B** tolak-menolak
**C** tendang-menendang
**D** acah-mengacah

**5.** Pada waktu malam, bandar raya ____________ dengan cahaya lampu yang pelbagai warna.
**A** berkelipan
**B** bergemerlapan (circled)
**C** berpancaran
**D** berpancutan

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

**B** *Pilih kata sendi nama yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong.*

| akan | kepada | untuk | pada | daripada |
|---|---|---|---|---|

**1.** Naim makan separuh ___daripada___ buah epal itu kerana dia sudah kenyang.

**2.** Ayah sedang mengira untung rugi perniagaan runcitnya ___pada___ bulan lepas.

**3.** Gadis itu amat suka ___akan___ bunga ros kerana cantik dan baunya wangi.

**4.** Ayu Raudah membeli sebentuk cincin emas ___untuk___ dihadiahkan kepada ibunya.

**5.** Surat aduan tentang serangan anjing liar itu dihantar ___kepada___ pihak berkuasa semalam.

# MODUL UASA


## SISTEM BAHASA 68 – 88

## PEMAHAMAN 89 – 109

**BAHAGIAN A**
- Pemahaman Petikan

**BAHAGIAN B**
- Pemahaman Petikan
- Novel

## PEMINDAHAN MAKLUMAT 110 – 121

**BAHAGIAN C**
- Ringkasan
- Ulasan

## KARANGAN 123 – 140

**BAHAGIAN A**
- Karangan Respons Terhad

**BAHAGIAN B**
- Karangan Respons Terbuka


Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.



# PRAKTIS UASA 1

## SISTEM BAHASA

PETA KONSEP NOTA VISUAL

Golongan Kata
Keperluan Sukatan Pelajaran

**NOTA EKSPRES**

**Sistem Bahasa**

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Sistem Bahasa terdapat dalam Soalan Kertas 1 ((02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman), Bahagian A dan Bahagian B.
2. Dalam **Bahagian A**, sebanyak **10** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif aneka pilihan (OAP).
3. Dalam **Bahagian B**, sebanyak **4** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif pelbagai bentuk (OPB).
4. Antara soalan yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian ialah aspek morfologi, frasa, sintaksis, dan peribahasa.

### PRAKTIS 1 Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

**NOTA EKSPRES**

**Kesalahan Lazim Kata Nama Am dan Kata Nama Khas**

1. (a) Kesalahan menulis kata nama am
   - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *Sultan*. (salah)
   - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *sultan*. (betul)

   (b) Kesalahan menulis kata nama khas
   - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *sultan Pahang*. (salah)
   - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *Sultan Pahang*. (betul)
2. Kata nama tidak perlu digandakan sekiranya kata bilangan yang menjadi penerang jumlah mendahuluinya.

   (a) Kesalahan menggunakan kata nama bersama-sama kata bilangan tentu
   - *Kedua-dua buah rumah-rumah* itu milik datuk. (salah)
   - *Kedua-dua buah rumah* itu milik datuk. (betul)

   (b) Kesalahan menggunakan kata nama bersama-sama kata bilangan tak tentu
   - *Semua murid-murid* menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh Cikgu Yusni. (salah)
   - *Semua murid* menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh Cikgu Yusni. (betul)

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### BAHAGIAN A

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.

1. Sultan menganugerahi beberapa orang pemimpin negeri itu sebutir __________ bagi menghargai jasa mereka

   A piala
   B manik
   C pingat (circled)
   D mutiara

2. Bantuan yang diberikan oleh sukarelawan itu dapat meringankan __________ yang ditanggung oleh Tok Aki.

   A upah
   B beban (circled)
   C kadar
   D barang

3. Seorang penjenayah yang dikehendaki oleh pihak polis telah berjaya diberkas dalam __________ jalan raya.

   A sekatan (circled)
   B lintasan
   C kawalan
   D halangan

4. Para penuntut kolej itu diberi beberapa naskhah __________ tentang keburukan dadah sewaktu pameran antidadah semalam.

   A tesis
   B katalog
   C risalah (circled)
   D manuskrip

**5.** Suhainah mengikut ibunya ke Pasar Mini Berkat Jaya untuk membeli beras, minyak masak, dan ________ dapur yang lain.
- **A** keadaan
- **B** kemahuan
- **C** keinginan
- **(D)** keperluan

**6.** Program pencegahan kebakaran itu dapat memberikan pendedahan kepada murid tentang ________ bomba dan penyelamat.
- **A** nasib
- **(B)** peranan
- **C** impian
- **D** jawatan

## BAHAGIAN B

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

**1.** Zamri sedang mencatat senarai pengikut yang akan menyertai perkhemahan pada minggu hadapan.

pengikut – peserta

**2.** Semua kanak-kanak yang berada dalam majlis itu kelihatan teruja ketika menyaksikan pameran bunga api.

pameran – pertunjukan

**3.** Apabila berada di tempat orang, kita haruslah mematuhi adab dan peraturan yang kita diami.

adab – adat

**4.** Rakyat diingatkan agar berbelanja mengikut keupayaan masing-masing dan bersederhana.

keupayaan – kemampuan

**5.** Kami meredah hutan tebal itu dengan berpandukan peta dan kompos yang dibawa dari rumah.

kompos – kompas

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 2 Kata Ganti Nama Diri

### NOTA EKSPRES

**Kata Ganti Nama Diri**

1. Kata ganti nama diri berfungsi untuk menggantikan kata nama orang.
2. Ada empat jenis kata ganti nama diri, iaitu:
   - (a) **Kata ganti diri pertama** – untuk menggantikan nama orang yang bercakap, iaitu *aku, beta, hamba, kami, kita, patik, saya*
   - (b) **Kata ganti diri kedua** – untuk menggantikan nama orang yang diajak bercakap, iaitu *anda, awak, engkau, tuan hamba, kalian, kamu, tuanku*
   - (c) **Kata ganti diri ketiga** – untuk menggantikan nama orang yang dicakapkan, iaitu *baginda, beliau, dia, ia, mereka*
   - (d) **Kata ganti diri singkat** – kata ganti nama diri yang telah disingkatkan, iaitu *kau, ku, nya*
3. Ada kata ganti nama diri yang membawa makna **tunggal** dan **jamak**. Contohnya:
   - (a) Tunggal – *awak, tuanku, hamba, saya, aku*
   - (b) Jamak – *kami, kalian, mereka, kita*
4. Ada juga kata ganti nama diri yang boleh membawa **kedua-dua** makna tunggal dan jamak, iaitu *kamu.*
5. Kata ganti nama diri *dia* digunakan untuk diri orang ketiga secara **umum** dan **tidak boleh** digunakan untuk **benda** dan **binatang**.

**Kesalahan Lazim**

- "*Kita* akan belajar dengan tekunnya," kata Aina dan Aini kepada ibu. (salah)
- "*Kami* akan belajar dengan tekunnya," kata Aina dan Aini kepada ibu. (betul)

Penggunaan **ianya** tidak wujud dalam bahasa Melayu. Contoh:
- Gaun yang dipakai oleh adik agak besar kerana *ianya* dipinjam daripada kakak. (salah)
- Gaun yang dipakai oleh adik agak besar kerana dipinjam daripada kakak. (betul)

TUTORIAL
Kata Ganti Nama Diri

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN A

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai***.*



**1.** Pasangan pengantin yang sedang bersanding di atas pelamin itu dipuji oleh tetamu kerana __________ kelihatan sangat sepadan.

**A** dia  **(C)** mereka
**B** kamu  **D** beliau

**2.** "__________ berikrar akan menjaga bumi Melaka ini dengan sepenuh jiwa," kata Pendekar Taruna kepada bendahara.

**A** Beta  **C** Patik
**(B)** Hamba  **D** Baginda

**3.** Pasukan keselamatan negara diraikan dalam satu majlis perpisahan sebelum __________ menyertai misi kemanusiaan itu.

**A** kita  **(C)** mereka
**B** engkau  **D** kalian

**4.** Lelaki itu dijatuhkan hukuman penjara selama empat tahun atas kesalahan jenayah yang telah dilakukan __________.

**A** ku  **C** kau
**B** mu  **(D)** nya

**5.** "__________ berharap agar awak tidak akan lupa akan persahabatan __________ walaupun terpisah jauh nanti," Suhaiza dan Nadia berkata kepada Masitah.

**A** Saya … kita  **C** Dia … mereka
**B** Kita … saya  **(D)** Kami … kita

## BAHAGIAN B

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan bahasa***. Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

**1.** "Beta mahu tuan hamba menjaga keamanan dan kemakmuran rakyat di negeri ini dengan sebaik-baiknya," bendahara menyampaikan titah Sultan Mansur Syah kepada temenggung.

Beta – Baginda

**2.** Sila beratur mengikut urutan nombor kerusi dan pastikan awak membawa semua barangan peribadi.

awak – anda

**3.** Murid-murid itu berikrar bahawa kami akan menjaga nama baik sekolah.

kami – mereka

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 3 Kata Kerja

### NOTA EKSPRES

**Kata Kerja**

1. Kata kerja transitif berawalan *meN-* **tidak boleh** dibuang **awalannya**. Contohnya: Kakak sapu sampah. (salah)
2. Kata kerja tak transitif berawalan *beR-*, *meN-* dan *teR* **tidak boleh** ditiadakan awalannya. Contohnya: Anak kecil itu main di padang. (salah)

**Kesalahan Lazim**

1. 
   - Cikgu Lim *bertanya* tentang keadaan ayah Logan. (salah)
   - Cikgu Lim *bertanya* keadaan ayah Logan. (betul)
   - Cikgu Lim *bertanya tentang* keadaan ayah Logan. (betul)
2. 
   - Dia *menceritakan tentang* perkara itu dengan bersungguh-sungguh. (salah)
   - Dia *menceritakan perkara* itu dengan bersungguh-sungguh. (betul)

# PEMAHAMAN

**NOTA EKSPRES**

**Pemahaman**
1. Dalam **Bahagian A**, terdapat soalan pemahaman petikan, iaitu **satu petikan** berserta 5 soalan objektif aneka pilihan (OAP) diberikan. Murid perlu membaca petikan dengan telitinya, kemudian menjawab soalan-soalan yang berikutnya.
2. Dalam **Bahagian B**, terdapat soalan pemahaman petikan dan novel. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhad.
3. Bagi soalan pemahaman petikan, dua atau tiga bahan berserta **3 soalan** diberikan.
4. Bagi soalan novel pula, **1 soalan** diberikan.

## BAHAGIAN A

### Pemahaman Petikan

**PRAKTIS 1** Prosa Tradisional – Bahagia Sesudah Derita

*Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Setelah sudah maka ia pun kembalilah ke tempatnya. Setelah sampai kepada tempatnya itu maka ia pun mandi berlimau. Setelah sudah maka diambilnya anaknya itu seraya dipangkunya, demikian katanya, "Jikalau sungguh engkau anak dewa turun hendak menerangkan muka ayahanda kepada segala alam ini, jadilah negeri di dalam hutan rimba ini lengkap dengan kota paritnya dan istananya serta dengan segala menteri, hulubalang, rakyat, segala raja-raja yang di bawah aku betapa adat segala raja-raja yang besar-besar."

Maka dengan takdir Allah Taala menunjukkan kekayaan dan lagi kelakuan kudrat-Nya, maka dengan takdir Allah jadilah sebuah negeri dengan selengkapnya takhta kerajaan. Maka ia pun duduklah di atas takhta kerajaan bernama Maharaja Indera Angkasa di negeri Pura bernama Puspa Sari dan isterinya bernama Tuan Puteri Ratna Dewi.

Hatta beberapa antaranya Maharaja Indera Angkasa duduk di atas takhta kerajaan dengan adil murahnya serta dengan tegur sapanya segala menteri hulubalang rakyat sekaliannya itu betapa adat sekali ia menjadi raja di keinderaan demikian diperbuatnya. Maka masyhurlah wartanya kepada segala negeri mengatakan hal Si Miskin itu menjadi raja besar di negeri Puspa Sari lagi sangat saktinya dapat ia menjadikan negeri dengan selengkapnya.

(Dipetik daripada prosa tradisional *Bahagia Sesudah Derita*, Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

**GLOSARI**
- **dewa** – sesuatu yang dipuja-puja kerana dipercayai berkuasa terhadap alam dan manusia
- **keinderaan** – tempat Betara Indera; syurga; inderaloka
- **sakti** – kuasa yang di luar kemampuan manusia

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

1. Berdasarkan petikan, rangkai kata *masyhurlah warta* membawa maksud
   A tersiarlah berita.
   (B) tersebarlah berita.
   C terjadilah perbualan.
   D tersebarlah khabar angin.

2. Apakah permintaan Si Miskin daripada anaknya?
   A Mengurniainya kekayaan dan kebesaran
   (B) Melengkapkan negeri itu dengan kota parit dan istana
   C Menjadi pemerintah yang adil dan saksama untuk rakyat
   D Menjaga adab dan akhlak yang mulia sebagai pemerintah

3. Latar masyarakat yang tergambar dalan petikan prosa tradisional tersebut ialah masyarakat yang
   A setia kepada pemimpin.
   B mempercayai ilmu sihir.
   (C) sentiasa mendekati rakyat.
   D mengamalkan semangat bersatu padu.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

> Maka dengan takdir Allah Taala menunjukkan kekayaan dan lagi kelakuan kudrat-Nya, maka dengan takdir Allah jadilah sebuah negeri dengan selengkapnya takhta kerajaan.

**4.** Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai?
- (A) Orang mengantuk disorongkan bantal
- B Bak cendawan tumbuh selepas hujan
- C Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- D Daripada segenggam jadi segantang, sekepal jadi segunung

**5.** Berikut merupakan perwatakan Maharaja Indera Angkasa berdasarkan petikan **kecuali**
- (A) gigih berusaha.
- B pemurah.
- C peramah.
- D adil.

## PRAKTIS 2 Cerpen – Legasi Tapai Ubi

*Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

"Tapai! Tapai! Tapai!"

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku **disogokkan** dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapai Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapai Ubi, itu aku! Aku dan tapai seolah-olah sebati dan **sinonim**. Ah, bencinya!

"Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!" jerit bapa dengan **loghat** Jawanya yang pekat. Laungan itu menjadi **rutin** setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku semakin jemu dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku memasuki sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa **menjinjit karung** tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapai! Itulah gelaran yang diberikan oleh kawan-kawanku yang sama-sama menumpangi bas sekolah. Aku malu dan marah juga pada mulanya. Namun *alah bisa tegal biasa*. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

(Dipetik daripada cerpen *Legasi Tapai Ubi*, Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

**GLOSARI**
- **disogokkan** – diunjukkan
- **sinonim** – kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain
- **loghat** – dialek / bahasa setempat
- **rutin** – kelaziman
- **menjinjit** – menjinjing / membimbit
- **karung** – beg yang dibuat daripada kain yang kasar dan agak tebal

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**1.** Sejak bila "aku" berasa semakin bosan akan tapai?
- A Sejak memasuki alam pekerjaan
- B Sejak diejek oleh rakan-rakannya
- (C) Sejak memasuki sekolah menengah
- D Sejak diberikan gelaran Parjo Tapai Ubi

**2.** Persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ialah
- A keredaan menerima takdir hidup.
- (B) kepatuhan anak terhadap ibu bapanya.
- C kasih sayang ibu bapa terhadap anak.
- D kesungguhan melakukan sesuatu kerja.

**3.** Maksud rangkai kata *alah bisa tegal biasa* ialah
- (A) sesuatu yang sukar akan menjadi mudah jika sering dilakukan.
- B mudah berputus asa apabila menghadapi kesukaran.
- C sesuatu perkara dilakukan secara sempurna.
- D setiap usaha ada untung dan ruginya.

**4.** Nilai yang berikut terdapat dalam petikan cerpen, **kecuali**
- A kerajinan.
- B berdikari.
- (C) keadilan.
- D kerjasama.

# PEMINDAHAN MAKLUMAT

## NOTA EKSPRES

**Pemindahan Maklumat**

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Pemindahan Maklumat terdapat dalam Soalan Kertas 1 ((02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman) dan merupakan soalan subjektif respons terhad.
2. Terdapat **satu** soalan dikemukakan, iaitu sama ada soalan **Ringkasan** atau **Ulasan**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 15 markah.
4. Murid wajib menjawab soalan tersebut.

## Ringkasan

### NOTA EKSPRES

**Ringkasan**

1. Dalam aspek ringkasan, satu petikan umum yang panjangnya kira-kira 250 hingga 300 patah perkataan diberikan.
2. Murid dikehendaki supaya menulis ringkasan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan.

**Panduan Menulis Ringkasan**

1. **Memahami petikan dan kehendak soalan**
   (a) Baca keseluruhan petikan dan fahami maksud keseluruhan petikan tersebut.
   (b) Fahami penanda tugasan, iaitu kata kunci yang dinyatakan dalam arahan soalan.
   Contoh: *Tulis sebuah ringkasan tentang* **punca-punca penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat**.
2. **Menulis ringkasan**
   (a) Gariskan isi-isi penting dalam petikan.
   (b) Berdasarkan isi-isi penting tersebut, binalah ayat-ayat anda sendiri.
   (c) Seharusnya, setiap isi penting itu ditulis dalam satu ayat sahaja.
   (d) Oleh sebab penulisan ringkasan terikat dengan bilangan perkataan yang terhad, maka ayat-ayat yang digunakan hendaklah ringkas, tepat, dan padat.
   (e) Pemilihan kata yang tepat, ejaan dan tanda baca yang betul, berserta dengan penanda wacana yang sesuai akan menghasilkan penulisan ringkasan yang baik.
3. **Menyemak ringkasan**
   (a) Semak penulisan ringkasan anda secara keseluruhannya setelah selesai menulis.
   (b) Buat pembetulan terhadap sebarang kesalahan tatabahasa, ejaan, dan tanda baca jika ada.
   (c) Pastikan panjang ringkasan hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.

TUTORIAL

Kaedah Bacaan Ringkas

VIDEO

Ringkasan Bahasa Melayu

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## MODEL Ringkasan

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang* **kepentingan hutan kepada negara**. *Panjangnya ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kita sedia maklum bahawa hutan merupakan satu daripada sumber alam yang sangat bernilai. Hutan negara kita kaya dengan flora dan fauna yang merupakan khazanah yang sangat bernilai serta menjadi warisan kepada generasi akan datang. Sekiranya hutan dimusnahkan, flora dan fauna akan turut pupus. Akibatnya, negara akan kerugian. Selain itu, hutan juga dapat mengekalkan keseimbangan alam. Hutan yang dimusnahkan tanpa kawalan akan menyebabkan banyak bencana alam berlaku seperti banjir, tanah runtuh, hakisan, dan sebagainya.

Hutan mengandungi pokok herba yang menjadi sumber dalam perubatan tradisional. Memang tidak dinafikan, perubatan moden mampu merawat pelbagai penyakit, namun ada sesetengah penyakit dapat dirawat melalui perubatan tradisional. Selain itu, sesetengah hutan negara kita yang berusia jutaan tahun seperti hutan Taman Negara Pahang, menjadi **ekopelancongan** atau pusat rekreasi yang menarik pelancong asing untuk bercuti di negara kita. Hal yang demikian kerana mereka ingin melihat keindahan alam semula jadi di Malaysia. Dengan ini, negara mampu meningkatkan industri pelancongan melalui keindahan alam semula jadi hutan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**• MODEL** *Ulasan Lengkap*

Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk menggalakkan rakyat melancong di dalam negara. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai faedah daripada aktiviti melancong di dalam negara. Aktiviti melawat ke tempat-tempat bersejarah dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang sejarah negara kita. Dengan ini, rakyat akan lebih menghargai khazanah sejarah negara selain patriotisme dapat dipupuk dalam diri mereka. Di samping itu, melancong dalam negara dapat menjimatkan perbelanjaan kerana kita tidak memerlukan bajet yang tinggi untuk kos pengangkutan dan penginapan. Seterusnya, melancong dalam negara juga dapat mempererat hubungan kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa dapat meluangkan masa dengan anak-anak dan saudara-mara yang turut menyertai lawatan tersebut. Akhir sekali, melancong di dalam negara berupaya untuk memajukan industri pelancongan negara. Perkhidmatan dan perniagaan akan berkembang di destinasi yang menjadi tumpuan pelancong. Kesimpulannya, pelbagai usaha harus dilaksanakan agar rakyat teruja untuk memilih destinasi di dalam negara sebagai tempat percutian.

## PRAKTIS 1

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang* **cara-cara memajukan industri kecil dan sederhana (IKS)**. *Panjangnya ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada zaman sains dan teknologi, bidang perindustrian diberikan tumpuan yang sepenuhnya untuk menjana ekonomi negara. Namun begitu, industri kecil dan sederhana (IKS) dalam meningkatkan ekonomi negara semakin terpinggir. Kerajaan harus memberikan bantuan khidmat nasihat dan modal kepada pengusaha yang baru sahaja menceburkan diri dalam industri ini. Kursus yang berkaitan dengan industri kecil dan sederhana seperti kraf tangan dan makanan tradisional harus dianjurkan untuk generasi muda agar dapat memupuk minat bagi mempelajari cara-cara pembuatan sesuatu produk IKS yang berdaya saing. Selain itu, kerajaan boleh memperkenalkan konsep "Satu Daerah Satu Produk". Melalui konsep ini, produk yang dihasilkan mencerminkan keistimewaan sesuatu daerah dan mempunyai **identiti** tersendiri.

Sebenarnya, industri kecil dan sederhana berpotensi tinggi untuk dimajukan dan dijangka akan banyak memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Oleh itu, pihak kerajaan melalui agensi tertentu harus membimbing para pengusaha IKS tentang strategi untuk menjual dan memasarkan produk mereka. Produk IKS harus dipamerkan dan dipromosi melalui laman sosial agar jualannya meningkat. Melalui usaha ini, dapat menarik pelancong asing ke negara kita untuk melihat cara pembuatan produk IKS yang unik. Secara tidak langsung, usaha ini dapat menjana ekonomi negara.

Industri kecil dan sederhana juga dapat dimajukan jika pengusaha mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menghasilkan produk yang berkualiti. Industri ini harus diberikan **nafas baharu** melalui penggunaan alat teknologi moden untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti produk supaya industri ini mampu menembusi pasaran dunia. Di samping itu, industri kecil dan sederhana dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada generasi muda kerana permintaan yang semakin meningkat.

Pihak kerajaan perlu menggalakkan rakyat Malaysia membeli produk IKS sebagai tanda sokongan terhadap barangan tempatan. Para pengusaha akan lebih bersemangat dan proaktif untuk menembusi pasaran luar sekiranya masyarakat setempat mengutamakan barangan IKS. Peranan media massa amat penting dalam usaha untuk mengembangkan industri desa ini dengan mempromosikan dan menyebarkan maklumat tentang keunikan produk IKS. Peranan media massa sememangnya tepat kerana kewujudan media elektronik seiring dengan perubahan masa.

**GLOSARI**

- **identiti** – ciri atau sifat yang memperkenalkan seseorang atau sesuatu
- **nafas baharu** – semangat baharu yang memulihkan sesuatu kegagalan

Industri kecil dan sederhana (IKS) harus dimajukan dengan pelbagai langkah agar dapat meningkatkan ekonomi negara. Khidmat nasihat, modal, dan kursus tentang industri kecil dan sederhana harus dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik minat golongan muda melibatkan diri dalam IKS. Selain itu, konsep "Satu Daerah Satu Produk" dapat menggambarkan keistimewaan dan identiti sesebuah daerah. Para pengusaha IKS perlu dibimbing tentang strategi penjualan dan pemasaran produk melalui laman sosial. Seterusnya, pengusaha industri ini juga perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta penggunaan teknologi moden. Masyarakat juga harus digalakkan untuk membeli barangan IKS agar para pengusaha lebih giat mengeluarkan produk mereka. Di samping itu, media massa dapat mengembangkan industri desa dengan mempromosikan dan menyebarkan maklumat produk IKS. Industri ini harus dimajukan kerana dapat meningkatkan ekonomi negara.

## PRAKTIS 2

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang* **kepentingan pelancongan domestik**. *Panjangnya ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**INFO**

**Industri Pelancongan di Malaysia**

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kerajaan melancarkan pelbagai kempen untuk menggalakkan rakyat melancong dalam negara. Kita tidak wajar mengetepikan destinasi pelancongan di negara sendiri apabila ingin bercuti. Apabila kita melancong dalam negara sendiri, kita berpeluang untuk mengenali kebudayaan dan warisan negara dengan lebih dekat.

Negara kita kaya dengan pelbagai keindahan khazanah alam semula jadi. Sementelahan pula, masyarakat majmuk di negara kita telah mewujudkan kepelbagaian kesenian, perayaan, dan makanan. Dengan kata lain, kita akan lebih memahami budaya dan adat resam pelbagai kaum jika melancong dalam negara. Oleh yang demikian, timbullah perasaan bangga dan cinta akan tanah air.

Di samping itu, pertambahan bilangan pelancong **domestik** mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini secara tidak langsung akan menambah peluang pekerjaan dan perniagaan. Misalnya, industri perhotelan, taman tema, restoran, dan pusat beli-belah menawarkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Bagi menjamin pelancongan domestik ini terus menyumbang pendapatan negara, kita tidak boleh bergantung pada kemasukan pelancong asing. Pelancong tempatan memberikan impak yang besar kepada kemajuan industri pelancongan domestik.

Aktiviti melancong dalam negara mampu menjadi **wadah** untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Hal ini disebabkan kos melancong dalam negara agak lebih murah berbanding dengan melancong di luar negara. Oleh itu, ibu bapa mampu membawa ahli keluarga dalam bilangan yang lebih besar, terutamanya anak-anak. Dalam kesempatan ini, sambil berseronok ketika mengunjungi pelbagai destinasi pelancongan pilihan, ibu bapa dapat meluangkan masa dengan anak-anak.

Pelancongan domestik mampu memacu ekonomi negara yang memberangsangkan. Pada masa yang sama, aktiviti melancong dapat menyemai semangat patriotik yang seterusnya memperkukuh jati diri rakyat. Oleh itu, industri pelancongan domestik hendaklah disokong oleh rakyat demi **kelestarian** industri berkenaan.

**GLOSARI**

- **domestik** – hal dalam negeri
- **wadah** – saluran untuk melakukan sesuatu
- **kelestarian** – keaslian

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# KARANGAN

TUTORIAL

Pembinaan Ayat

## BAHAGIAN A

### Karangan Respons Terhad

**NOTA EKSPRES**

1. Soalan karangan respons terhad dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti rangkai kata yang mengandungi frasa idea, iklan, poster, gambar yang mengandungi frasa idea, dan sebagainya.
2. Panjang karangan yang perlu ditulis adalah antara 50 hingga 80 patah perkataan.
3. Murid dicadangkan supaya menulis karangan pendek ini dalam masa 15 minit sahaja.
4. Murid dikehendaki untuk memahami maklumat dan menulis karangan berdasarkan maklumat yang diberikan.
5. Baca kata kunci soalan agar murid memahami kehendak soalan.
6. Murid harus menulis frasa idea yang diberikan dengan mengembangkannya dalam bentuk perenggan.
7. Pendahuluan harus ditulis dalam ayat yang ringkas dan padat serta terdiri kira-kira 10 hingga 15 patah perkataan.
8. Isi-isi yang dikemukakan hendaklah ada gabung jalin dengan penggunaan penanda wacana, jelas, menarik, dan matang.
9. Murid hendaklah menulis penutup atau kesimpulan yang menggambarkan idea keseluruhan. Penutup atau kesimpulan ditulis sebaik-baiknya 8 hingga 15 patah perkataan.
10. Pastikan tidak ada kesalahan ejaan dan tanda baca.

### • MODEL Karangan Respons Terhad

*Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara* ***50*** *hingga* ***80*** **patah perkataan**.

**Kempen Buku Hijau**

rakyat bercucuk tanam – berjimat cermat – menambah pendapatan – memelihara dan menghijaukan suasana sekitar – memaksimumkan penggunaan tanah – memberikan peluang pekerjaan – menggalakkan para belia bertani – menyediakan sumber makanan segar – membantu pertumbuhan ekonomi

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

INFO

Kejiranan Hijau

### • MODEL Karangan Respons Terhad Lengkap

Kerajaan telah melancarkan Kempen Buku Hijau bagi menggalakkan rakyat bercucuk tanam. Hal ini sejajar dengan kenaikan kos sara hidup.

Kempen ini dapat memupuk minat bercucuk tanam dalam kalangan rakyat. Melalui amalan ini, kita dapat menanam sayur. Dengan ini, kita dapat berjimat cermat kerana tidak perlu membeli sayur. Di samping itu, kita dapat menambah pendapatan kerana lebihan sayur dapat kita jual kepada jiran-jiran. Selain itu, kempen ini dapat memelihara dan menghijaukan suasana sekitar apabila kita menanam pokok-pokok bunga. Kempen Buku Hijau juga dapat memaksimumkan penggunaan tanah dan memberikan peluang pekerjaan kepada para belia yang bertani di kawasan tanah terbiar. Kempen ini juga meningkatkan sumber makanan segar dan membantu pertumbuhan ekonomi rakyat serta negara.

Natijahnya, kempen ini dapat menyedarkan rakyat tentang kepentingan bidang pertanian.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara* **50** *hingga* **80 patah perkataan**.

menyaksikan kejohanan → aksi yang hebat → memberikan sokongan → berjuang → menjaringkan gol → juara

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan ayah pergi ke stadium untuk menyaksikan Kejohanan Hoki Piala Remaja Asia peringkat akhir. Perlawanan itu melibatkan pasukan hoki negara dengan pasukan hoki dari India.

Saya teruja menyaksikan perlawanan tersebut. Semua pemain mempamerkan aksi yang hebat. Pemain negara memiliki semangat berpasukan yang tinggi. Mereka beraksi dengan pantas. Mereka berkobar-kobar untuk memenangi perlawanan. Saya serta para penyokong memberikan sokongan yang padu kepada pasukan negara. Para pemain kelihatan lebih bersemangat untuk berjuang. Seorang pemain negara dapat membolosi pintu gol lawan lalu menjaringkan gol. Seperti yang diduga, pasukan hoki negara menjadi juara dalam kejohanan tersebut.

Kemenangan itu telah mengharumkan nama Malaysia. Saya gembira dan bangga atas kejayaan pasukan hoki negara.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Skor /60

**KERTAS 1 (02/1)**
**Arahan:** *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

**1 jam 30 minit**

## Bahagian A
[15 *markah*]

**Soalan 1 – 2**
*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.

**1.** Daripada raut wajahnya yang ________ itu, saya tahu bahawa dia sedang menghadapi masalah kesihatan.
- A suram
- (B) pucat
- C muram
- D lemah

**2.** ________ orang dijangka akan menyertai Senamrobik Melaka Sihat di Dataran Sejarah Ayer Keroh esok.
- A Para
- B Semua
- C Beberapa
- (D) Beratus-ratus

**Soalan 3 – 4**
*Pilih ayat-ayat yang menggunakan* **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

**3.** I Pokok mempelam itu telah *terbit* buahnya.
II Cahaya mentol itu tidak *terbit* kerana bekalan elektrik terputus.
III Dia duduk di tepi pantai itu sampai matahari *terbit*.
IV Novel terbaharu penulis terkenal itu akan *terbit* tidak lama lagi.
- A I dan II sahaja
- (B) III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

**4.** I Pak Dollah *mengangkat* kerusi di tepi meja itu untuk diletakkan di ruang dapur.
II Mohamad baru *mengangkat* sumpah sebagai pemimpin pelajar di kolej itu.
III Abang menolong ibu *mengangkat* barang-barang daripada kereta ke dalam rumah.
IV Pekerja kilang kayu itu *mengangkat* habuk-habuk kayu untuk dibuang ke dalam tong.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- (C) I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

**Soalan 5 – 6**
*Bahagian yang* **bergaris** *dalam ayat-ayat yang berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
*Tandakan sama ada* **A**, **B**, *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

**5.** Irdina yang belajar di luar negara menangis <u>kerana rindukan</u> keluarganya di tanah air.
- (A) kerana rindu akan
- B kerana merindu akan
- C oleh kerana rindu akan
- D kerana rindukan

**16.** Keadaan di pasar itu pada waktu pagi biasanya <u>sangat riuh-rendah</u> dengan suara penjual dan pembeli.
- (A) riuh-rendah
- B riuh-rendah sangat
- C tersangat riuh-rendah
- D sangat riuh-rendah

**Soalan 7 – 8**
*Pilih ayat-ayat yang* **betul**.

**7.** I Ayah dan pak ngah memperdalamkan parit d belakang rumah datuk.
II Tiap-tiap perkara yang kita usahakan pasti mendatangkan hasil yang diimpikan.
III Tetamu Encik Syukri masih belum tiba walaupun hari sudah hampir senja.
IV Pembedahan terhadap pesakit kanak-kanak itu berjalan selama dua jam setengah.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- (D) II, III, dan IV sahaja

**8.** I Siapa yang melanggar peraturan jalan raya akan dikenakan tindakan.
II Adik memberi sebutir pisang kepada monyet di zoo itu.
III "Jika kamu lapar, makanlah dahulu, Haris," kata Hasfarizal.
IV Ibu mereneh sup daging untuk hidangan tengah hari.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

**Soalan 9**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang* **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* ***ayat yang dicetak tebal****.*

9. **Anisah meminta resipi kek buah daripada ibu saudaranya kerana kek itu sangat lazat.**
A Oleh sebab kek buah itu amat sedap, Anisah meminta resipi daripada ibu saudaranya.
B Ibu saudara Anisah meminta resipi kek buah yang sangat lazat daripadanya.
C Anisah dan ibu saudaranya meminta resipi kek buah yang sangat lazat itu.
D Kesedapan kek buah itu menyebabkan ibu saudara Anisah meminta resipi daripadanya.

**Soalan 10**

*Pilih* **peribahasa** *yang* **paling sesuai***.*

10. Malaysia akan sama taraf dengan negara maju di dunia jika berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan dalam pelbagai bidang.
Keadaan ini sesuai dengan peribahasa seperti di bawah.
A Tepuk dada tanya selera
B Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
C Seikat bak sirih, serumpun bak serai
D Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri

Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

*Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Soalan 11 – 15** *berdasarkan bahan di bawah.*

Hatta dengan takdir Allah taala mengurniakan hamba-Nya maka Miskin pun berpindahlah hendak membuat pondok akan tempatnya tiga beranak. Maka digalinyalah tanah itu hendak *mendirikan tiang terataknya*. Maka terlihatlah kepada tajau berisi emas terlalu banyak. Maka segera diambilnya akar kayu, maka ditambatnya pada pohon kayu yang besar. Maka bininya pun datanglah ia melihat emas itu seraya katanya, "Sampai kepada anak cucuku sekalipun berbelanjakan dia tiada akan habis emas ini." Maka terlalu sukacitalah dua laki isteri itu.

Maka oleh isterinya diambilnya emas itu dibawanya ke dalam rumahnya.

Maka emas itu lalu dibawanya pergi kepada saudagar dalam negeri Anta Beranta itu. Setelah ia bertemu dengan saudagar maka ditegurnya oleh saudagar itu, katanya, "Marilah tuan hamba duduk, di mana tuan tadi dan apa kehendak tuan hamba kepada hamba?"

Maka sahut Si Miskin itu seraya tersenyum, "Ada juga kehendak hamba ini kepada tuan hamba. Jikalau boleh tuan hamba menolong hamba, akan hamba katakan kepada tuan hamba."

Maka sahut saudagar itu, "Katakanlah sampai hamba dengar."

Maka Miskin pun mengeluarkan emas daripada kandungannya seraya katanya, "Inilah hamba minta tolong belikan kaus sepasang kepada tuan hamba."

Setelah dilihat oleh saudagar akan emas itu terlalu banyak harganya maka saudagar pun terlalu hairan melihat akan hal itu seraya katanya, "Tetapi hamba minta janji tujuh tahun lamanya kerana terlalu sukar pekerjaannya."

Dipetik daripada prosa tradisional 'Bahagia Sesudah Derita', Antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *mendirikan tiang terataknya* membawa maksud
A membina sebuah kampung.
B membina sebuah bangunan.
C menegakkan batang pondoknya.
D menegakkan tonggak pondoknya.

12. Apakah yang ditemukan oleh Si Miskin semasa menggali tanah?
A Tempayan di dalam tanah
B Emas di dalam tempayan
C Akar kayu di dalam tempayan
D Tempayan pada pangkal pokok kayu

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**13.** Apakah persoalan yang ditemukan dalam petikan tersebut?
- **A** Kasih sayang antara suami isteri
- **B** Gigih berusaha untuk mencapai impian
- **C** Rasa syukur atas anugerah yang diterima
- **D** Belas kasihan terhadap orang miskin

**14.**

| |
|---|
| Setelah dilihat oleh saudagar akan emas itu terlalu banyak harganya maka saudagar pun terlalu hairan melihat akan hal itu. |

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai?
- **A** Bagai harimau kelaparan
- **B** Nasi sudah menjadi bubur
- **C** Seperti rusa masuk kampung
- **D** Ibarat melukut di tepi gantang

**15.** Yang berikut merupakan latar tempat yang terdapat dalam petikan, **kecuali**
- **A** kedai emas.
- **B** kedai saudagar.
- **C** rumah Si Miskin.
- **D** negeri Anta Beranta.

## Bahagian B
[30 *markah*]

**1.** *Dalam bahan di bawah, terdapat* **kesalahan-kesalahan ejaan**. *Kenal pasti* **dua** *kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan.*




(i) fisikal – fizikal

(ii) mencungkel – mencungkil

[2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.